

Penoreh Getah Terima Sumbangan Musim Tengkujuh

Oleh: Mahfuzah Said, 1180226

PEDU: Seramai 55 orang penoreh getah menerima sumbangan sempena musim tengkujuh daripada Pusat Khidmat Wakil Rakyat (PKWR) Dun Pedu di Pasti Ulul Azmi dekat sini.

Wakil PKWR, Mohd Radzi Md Amin berkata, sumbangan itu diagihkan kepada 15 penduduk Kampung Kuala Beris dan 40 penduduk Kampung Sungai Pisang, Kampung Felda Lubuk Merbau dan Kampung Baru Ketapang.



Pusat Khidmat Wakil Rakyat (PKWR) Dun Pedu Tuan Haji Mohd Radzi Md Amin bersama yang lain telah selesai memberikan sumbangan kepada para penoreh getah.

“Sumbangan ini diberikan kepada semua penoreh memandangkan sekarang adalah musim tengkujuh jadi kami berikan sedikit sumbangan kepada mereka hari ini,” katanya.

Beliau berkata, antara bentuk sumbangan yang diberikan ialah barangan keperluan dapur seperti beras, gula, kopi dan minyak masak.



Sabariah Hussin menerima sumbangan daripada Pusat Khidmat Wakil Rakyat (PKWR) Dun Pedu petang tadi.

“Saya berasa seronok dan bersyukur kerana beban yang ditanggung sedikit berkurang apabila dijemput untuk menerima sumbangan hari ini kerana pendapatan saya hanya bergantung kepada menoreh,” kata Sabariah Hussin, 63.

Sabariah menambah lagi jika seminggu dia tidak dapat menoreh maka satu sen pon dia tidak akan dapat pada minggu itu.

“Saya tidak membuat pekerjaan sampingan lain seperti berniaga atau mengambil upah kerana saya tidak tahu untuk membuat pekerjaan sampingan yang lain,” katanya.

Mohd Radzi juga berpesan kepada para penoreh supaya berjimat cermat dan membuat perbelanjaan untuk perkara-perkara yang berfaedah pada musim tengkujuh ini.

“Inilah rezeki yang Allah kurniakan kepada kita maka gunakanlah ia dengan cara yang betul,” katanya lagi.